

## **Penstrukturan Semula Jabatan Syariah sebagai Sebuah Fakulti: Satu Impak terhadap Ekosistem Akademik UKM dari Sudut Ilmu dan Komersil**

Kod Projek : UKM-PTS-034-2009

<sup>1,2</sup>*Ibnor Azli Ibrahim (Ketua Projek), <sup>1</sup>Anwar Fakhri Omar, <sup>1</sup>Mohammad Zaini Yahaya,  
<sup>1</sup>Mohd. Nasran Mohamad & <sup>1</sup>Muhammad Adib Samsudin*

<sup>1</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, <sup>2</sup>Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### **PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH**

Ruang lingkup syariah amat luas meliputi kehidupan harian manusia seperti ekonomi dan kewangan, perundangan, sains angkasa, sains pemakanan, bioteknologi, politik, pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Kajian ini akan memperlihatkan peri pentingnya kewujudan sebuah Fakulti Syariah dengan pelbagai jabatan seperti Jabatan Fiqh, Usul dan Fatwa, Jabatan Muamalat dan Kewangan, Jabatan Kehakiman dan Perundangan, Jabatan Siyasah dan Pentadbiran Islam, Jabatan Astrofiqh dan Sains Angkasa dan lain-lain. Kajian ini akan menunjukkan statistik berkaitan dengan permohonan memasuki IPTA/S dalam bidang syariah di seluruh negara. Dengan itu, UKM perlu mengambil langkah proaktif dengan menstrukturkan semula Jabatan Syariah sebagai sebuah fakulti berasingan untuk menyediakan satu prasarana yang lengkap dan kondusif bagi menampung permintaan yang kian meningkat.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menonjolkan kepentingan penubuhan sebuah Fakulti Syariah di UKM.
2. Memperlihatkan permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negeri untuk melanjutkan pelajaran di IPTA/S seluruh Malaysia dalam bidang syariah.
3. Mencadangkan kepada UKM kerangka penubuhan sebuah Fakulti Syariah yang berdaya saing di sudut komersil.

### **METODE KAJIAN**

Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan pengenalpastian jumlah permohonan kemasukan ke Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM sejak penubuhan FPI sehingga tahun 2008. Jumlah tersebut merangkumi permohonan pelajar di peringkat sarjanamuda, sarjana dan kedoktoran. Metode kajian ini menggunakan kaedah temubual pandangan kakitangan akademik dalam bidang syariah yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) di IPTA/S seluruh Malaysia. Satu kajian rintis telah dibuat

untuk mengenalpasti kesesuaian metode temubual berstruktur. Oleh itu, satu set alat temubual berstruktur (*interview schedule*) telah digunakan. Tinjauan perpustakaan telah dimulakan dengan menganalisa secara kandungan dari rekod permohonan kemasukan pelajar-pelajar ke Jabatan Syariah sejak tertubuhnya FPI lebih 40 tahun yang lalu.

Manakala antara individu yang telah ditemubual ialah:

1. Prof. Madya Mohd. Ridzuan bin Awang (Profesor Madya, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM), 08/12/2009.
2. Prof. Madya Dr. Hashim bin Mehat (Profesor Madya, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM), 09/12/2009.
3. Dr. Sa'adan b. Man (Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM), 2/4/2010.
4. Md. Yunus bin Abdul Aziz (Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM), temubual, 16 April 2010.

Temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) juga dilakukan kepada kakitangan pentadbiran secara tidak langsung. Ini adalah untuk mengenalpasti permasalahan dan pembaharuan yang telah dilakukan dalam pengurusan pengajian syariah di IPTA berkenaan. Hasil temu bual telah dianalisis mengikut kaedah transkripsi verbatim.

#### JADUAL KERJA

AKTIVITI	18 Bulan					
	1-3	4-6	7-9	10-12	13-15	16-18
Persiapan Kajian (Halatuju)						
Merangka Kaedah Penyelidikan						
Kajian Kepustakaan						
Temu bual, pengumpulan data dan analisis						
Draf Pertama, Kedua dan Ketiga						
Laporan Akhir						

#### KEPENTINGAN DAN FAEDAH PENYELIDIKAN

1. Mendokumentasikan Pengajian Syariah di tiga IPTA iaitu UKM, UM dan USIM.
2. Membantu pihak yang berkenaan dalam penilaian dan semakan semula kursus-kursus yang ditawarkan dalam pengajian Syariah.
3. Memberi input kepada UKM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menaiktaraf Jabatan Syariah, UKM kepada sebuah fakulti yang berasingan.

## **JANGKA MASA KAJIAN**

18 bulan bermula dari Ogos 2009 hingga Feb 2011.

## **AHLI PENYELIDIK**

1. Dr. Iknor Azli bin Ibrahim (Ketua)
2. Prof. Dr. Mohd. Nasran bin Mohamad
3. Dr. Muhammad Adib bin Samsudin
4. Anwar Fakhri bin Omar
5. Mohammad Zaini bin Yahaya

## **HASIL DAN CADANGAN**

Setiap tahun ribuan graduan Syariah berjaya menggenggam segulung ijazah sama ada dari institusi pendidikan tinggi awam mahupun swasta. Akhir tahun 2007, sebanyak 20 institusi pendidikan tinggi awam dan 544 institusi pendidikan tinggi swasta telah didaftarkan di bawah akta Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia dengan pelbagai bidang kursus yang ditawarkan termasuk Syariah. Ini bermakna, setiap tahun negara kita telah berjaya menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai ilmu dan intelek yang tinggi. Tetapi pada hakikatnya, apabila mereka menjengah ke pasaran pekerjaan, mereka terpaksa bersaing dengan graduan-graduan dari universiti-universiti yang lain, tidak kiralah dari dalam ataupun luar negara. Namun begitu, graduan Syariah tetap mendapat permintaan yang tinggi kerana keperluan negara dalam pelbagai sektor terhadap kepakaran Syariah. Justeru, untuk melicinkan pengurusan penempatan graduan-graduan Syariah ini dalam pelbagai sektor kerajaan perkara berikut perlu diambil perhatian:

### **Meluaskan bidang pengajian Syariah supaya lebih berdaya saing**

Penawaran pengajian Syariah di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia boleh dihitung. Antara Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan program pengajian Syariah ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Darul Iman, Kolej Islam Pahang, Kolej Universiti Islam Selangor dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Putra. Kajian ini mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan program pengajian Syariah di setiap IPTA dan IPTS. Program Syariah yang ditawarkan tidaklah menjurus kepada pembelajaran Syariah sahaja, tetapi pengajian boleh disesuaikan dengan perubahan keadaan semasa. Seperti wujudkan Pengajian Syariah dan Sains Teknologi, Pengajian Syariah dan Sains Pemakanan, Pengajian Syariah dan Astronomi, Pengajian Syariah, Kewangan dan Perbankan Islam dan sebagainya. Tujuannya adalah supaya bidang Syariah mampu berkembang dengan perubahan yang berlaku dari masa ke semasa selaras dengan norma-norma Islam.

### **Peranan agensi pekerjaan dalam memastikan setiap majikan patuh syariah**

Setiap agensi pekerjaan sama ada yang melibatkan hal ehwal Islam atau sebaliknya perlu meletakkan satu jawatan atau bahagian yang berkaitan dengan pengajian Syariah seperti

Penasihat Syariah. Tujuannya supaya bahagian ini dapat memantau dan menjadi penasihat dalam segala aktiviti yang dijalankan supaya ianya tidak bertentangan dengan syariat.

### **Mengemaskini penawaran kursus Syariah supaya menepati kehendak kerjaya**

Subjek-subjek yang ditawarkan dalam pengajian Syariah amat penting kerana ia mempengaruhi penguasaan pelajar dalam bidang Syariah terutamanya pengaplikasian dalam pasaran kerjaya. Justeru, kajian ini mencadangkan setiap IPTA dan IPTS mempelbagaikan penawaran subjek mengikut perkembangan semasa bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemampuan menyelesaikan persoalan fiqh semasa. Kajian ini mendapati peluang kerjaya graduan pengajian Syariah tidak terlalu terhad, berbanding bidang-bidang lain yang setaraf. Bahkan ia semakin meluas mengikut perubahan dan kehendak semasa. Ini dibuktikan dengan statistik graduan pengajian Syariah UKM, UM dan USIM yang telah bekerja. Di samping itu, keperluan dan penerimaan kepada sistem kewangan, perbankan Islam dan pasaran modal Islam makin meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa sekaligus mampu menyaingi sistem kewangan konvensional. Masyarakat mula sedar akan hal ini, menyebabkan permintaan kepada produk kewangan bercorak Islam semakin meningkat. Ini memberi peluang yang luas kepada graduan Syariah untuk menempatkan diri mereka dalam pasaran kerjaya dalam bidang berkaitan.

### **PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)**

1. Kertas kerja:
  - a. *Penstrukturan Semula Jabatan Syariah Sebagai Sebuah Fakulti: Ufuk Baru dalam Paduan pengajian Sains Islam khususnya Astrofiqh*. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2009. Awana Porto Malai, Langkawi.
  - b. *Pengajian Syariah di IPTA Malaysia: Sejarah, Perkembangan dan Peluang*. Seminar Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia an juran Kumpulan Penyelidik (UKM-GUP-TKS-08-08-276), 27 September 2010.
2. Buku: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam: 40 Tahun Mendukung Keilmuan Syariah
3. Poster Penyelidikan

### **MODAL INSAN**

4 orang pelajar Sarjanamuda (Latihan Ilmiah)

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>No.KP</b>	<b>Matrik</b>	<b>Telefon</b>
1	Ilyani binti Sulaiman	861010-62-5018	A116188	019-9444935
2	Norsusilawati binti Jamari	840829-13-5970	A116505	013-2124893
3	Hamizah binti Hassini		A116514	017-9664156
4	Suwaibah bt.Abdul Razak	861128-33-5462	A116730	017-2903524